

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan.

1. Pada tahun 507 Sebelum Masihi, pemimpin Athens telah memperkenalkan suatu sistem politik yang dipanggil *demokratia*.

- (a) Jelaskan maksud sistem demokrasi. [1 markah]
- (b) Bagaimanakah sistem demokrasi diamalkan di Athens? [3 markah]
- (c) Senaraikan dua contoh negara yang mengamalkan sistem demokrasi pada masa ini. [2 markah]
- (d) Bandingkan sistem demokrasi yang diamalkan di Athens dengan sistem demokrasi yang diamalkan di negara dalam 1 (c). [4 markah]

2. Pernyataan berikut berkaitan dengan kedatangan dan penerimaan Islam oleh masyarakat Melayu.

Kedatangan Islam pada akhir abad ke-13 dan awal abad ke-14 dan penerimaan yang berterusan oleh Dunia Melayu pada abad ke-15 dan ke-16 merupakan peristiwa sejarah yang sangat penting kerana telah mempengaruhi gaya hidup dan budaya masyarakat Melayu.

Sumber: *The Encyclopedia of Malaysia, Early History, halaman 125*

- (a) Bagaimanakah Islam sampai ke Dunia Melayu? [3 markah]
- (b) Mengapakah Islam diterima secara berterusan oleh Dunia Melayu pada abad ke-15 dan abad ke-16? [3 markah]
- (c) Bagaimanakah gaya hidup masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam? [4 markah]

3. Sistem Jemaah Menteri di Kelantan diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1801-1836). Sebanyak lapan Jemaah Menteri telah dibentuk oleh Sultan Muhammad II (1836-1886).

- (a) Nyatakan dua Jemaah Menteri yang diwujudkan di Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II. [2 markah]
- (b) Jelaskan bidang kuasa Jemaah Menteri di 3 (a). [2 markah]
- (c) Selain membentuk Jemaah Menteri, bagaimanakah Sultan Muhammad II memperkukuh struktur pentadbiran negeri Kelantan? [2 markah]
- (d) Jelaskan fungsi Jemaah Menteri dalam sistem pentadbiran di Malaysia pada masa ini. [4 markah]

4. Pada bulan April 1951, British telah memperkenalkan Sistem Ahli sebagai mekanisme untuk memberi peluang dan latihan kepada golongan elit tempatan untuk mentadbir negara. Walau bagaimanapun, kuasa eksekutif dan kawalan politik masih dipegang oleh pegawai tertinggi British.

- (a) Nyatakan dua ciri Sistem Ahli. [2 markah]
- (b) Jelaskan bidang tugas Ahli dalam Sistem Ahli. [4 markah]
- (c) Mengapakah British tidak menyerahkan kuasa eksekutif (kuasa pentadbiran) kepada rakyat tempatan Tanah Melayu? Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah anda. [4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

5. Kepentingan Hijrah Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah bukan hanya terhad kepada sejarah atau umat Islam sahaja. Hijrah bukan sahaja membentuk semula sosial dan politik semenanjung Arab, tetapi juga memberi impak kepada tamadun dunia.

Sumber: <http://historyofislam.com>

- (a) Jelaskan maksud hijrah. [4 markah]
- (b) Mengapakah Nabi Muhammad SAW dan umat Islam berhijrah ke Madinah? [8 markah]
- (c) Huraikan impak (kesan) hijrah Nabi Muhamamad SAW terhadap tamadun dunia. Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8 markah]

6 (a) Jelaskan tugas khalifah. [4 markah]

(b) Terangkan cara pelantikan khalifah. [8 markah]

(c) Sebagai Khalifah pertama Islam, sumbangan utama beliau adalah untuk menyatupadukan orang-orang Islam yang berpecah-belah berasaskan iman & Islam dan penyusunan Al-Quran dalam bentuk *hardcopy* untuk kali pertama.

Sumber: <http://www.qurantutor.com>

Mengapakah sumbangan tersebut penting dalam sejarah umat Islam? [8 markah]

7 (a) Mengapakah pada peringkat awal Zaman Pertengahan, Eropah mengalami Zaman Gelap? [4 markah]

(b) Terangkan pencapaian masyarakat Eropah pada zaman Renaissance. [8 markah]

(c) Sejauh manakah semangat inkuiri (ingin tahu) penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman? [8 markah]

8. Dasar penjajah Barat telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk negara-negara di Asia Tenggara.

(a) Jelaskan gerakan nasionalisme pada tahap awal di Asia Tenggara. [4 markah]

(b) Huraikan dasar penjajah Barat sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk Asia Tenggara. [8 markah]

(c) "Nasionalisme Teras Perpaduan" adalah tema hari kebangsaan negara kita yang ke-28.

Sumber: www.pmr.penerangan.gov.my

Bagaimanakah nasionalisme boleh memperkukuh perpaduan rakyat? [8 markah]

9. Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan. Ciri utama negara Persekutuan ialah pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan.

Sumber: www.astroawani.com, 11 Oktober 2017

(a) Jelaskan maksud Persekutuan. [4 markah]

(b) Terangkan tentang:

(i) Pentadbiran Kerajaan Persekutuan [4 markah]

(ii) Pentadbiran Kerajaan Negeri [4 markah]

(c) Berikan cadangan anda untuk menjadikan Persekutuan Malaysia terus cemerlang dan gemilang. [8 markah]

10. Berasarkan Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib, Dasar Pendidikan Kebangsaan bermatlamat untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja.

Sumber: *pmr.penerangan.gov.my*

- (a) Jelaskan cadangan yang terkandung dalam Penyata Razak (Ordinan Pelajaran 1957). [4 markah]
- (b) Terangkan syor dalam Laporan Rahman Talib 1960. [8 markah]
- (c) Mengapakah matlamat untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja penting kepada negara? Beri hujah anda. [8 markah]

11. Globalisasi sudah lama berlaku di peringkat antarabangsa, namun akhir-akhir ini globalisasi semakin ketara.

Sumber: *Utusan Online, 20 Januari 2016*

- (a) (i) Apakah yang anda faham tentang globalisasi? [2 markah]
- (ii) Mengapakah globalisasi berlaku? [2 markah]
- (b) Bincangkan kebaikan dan keburukan globalisasi. [8 markah]
- (c) Berikut adalah langkah kerajaan untuk menghadapi globalisasi
 - * Mempromosi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)
 - * Melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC)

Bagaimanakah langkah-langkah tersebut boleh memberikan manfaat kepada negara dalam era globalisasi? [8 markah]